

LAWATAN KERJA AKS KEJURUTERAAN DAN STAF MTU-KEJURUTERAAN KE PUSAT KOMUNIKASI SATELIT ATM

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2735-lawatan-kerja-aks-kejuruteraan-dan-staf-mtu-kejuruteraan-ke-pusat-komunikasi-satelit-atm

SUNGAI BULOH, 29 Nov 17 – Bahagian Kejuruteraan Markas Tentera Udara telah menganjurkan lawatan kerja ke Pusat Komunikasi Satelit (PKS) ATM, Kem Paya Jaras. Lawatan kerja ini dihadiri oleh AKS Kejuruteraan, YBhg Mej Jen Dato' Ir Razali bin Abd Ghani TUDM serta staf MTU-Kejuruteraan.



Objektif utama lawatan ini adalah untuk memahami perkhidmatan PKS ATM di dalam usaha MTU-Kejuruteraan membangunkan polisi kejuruteraan TUDM bagi aplikasi satelit serta melihat keberkesanan penggunaan satelit X-Band di dalam penggunaan SPKB TUDM.



Diharap lawatan ini dapat mencapai objektif dan seterusnya dapat diterjemahkan di dalam bentuk penambahbaikan polisi Kejuruteraan TUDM.



